

## AMALAN PENGURUSAN RISIKO SUKAN PENSYARAH INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA : PROPOSAL KAJIAN.

Fatimah Mustaffa ([fbmpjk@gmail.com](mailto:fbmpjk@gmail.com)) Institut Pendidikan Guru Malaysia & Ahmad bin Esa ([ahmad@uthm.edu.my](mailto:ahmad@uthm.edu.my)), Universiti Tun Hussin Onn Malaysia.

### Abstrak

Pengurusan risiko penting dalam industri sukan bagi menyediakan dan memastikan persekitaran selamat untuk setiap program sukan. Pengurusan risiko sukan bertujuan bagi mengawal, mengelak dan meminimalkan risiko kemalangan dan kecederaan. Negara-negara maju seperti Australia dan United Kingdom telah guna pakai model pengurusan risiko yang standard. Ini menunjukkan organisasi yang menawarkan atau melaksanakan program atau aktiviti sukan, model pengurusan risiko sukan sangat penting dan perlu ada satu model yang standard. Walau bagaimana pun institusi pendidikan di Malaysia tiada model amalan pengurusan risiko sukan yang standard yang boleh diguna pakai oleh guru, pensyarah dan pentadbir sukan bagi mewujudkan sifar risiko dalam sukan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam sukan. Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan Amalan Pengurusan Risiko Sukan (APRS) Pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia. Bagi mengenal pasti komponen APRS, pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen analisis dokumen dan protokol temu bual pakar. Data analisis dokumen dianalisis menggunakan kaedah meta analisis bagi mengenal pasti faktor APRS, manakala data temubual pakar di analisis secara manual menggunakan jadual matriks kekerapan. Analisis kebolehpercayaan Cohen Kappa diguna bagi menentukan indeks persetujuan keseluruhan item bagi setiap konstruk amalan pengurusan risiko sukan. Dapatan nilai pekali Kappa secara keseluruhannya adalah 0.82, iaitu menunjukkan tahap persetujuan yang sangat baik. Hasil dapatan kajian mendapati komponen utama APRS adalah pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan.

Kata kunci : Amalan, Pengurusan Risiko, Sukan dan Pensyarah.

### 1.0 Pengenalan

Pengurusan risiko dalam sukan merupakan isu yang semakin dititikberatkan oleh organisasi sukan terutama program sukan sekolah. Pengurusan risiko sukan mula mendapat perhatian pada awal tahun 1970-an (Aman 2006) dan menjadi semakin serius pada awal alaf baru ini. Sekendiz (2011), Laroche & Corbalt (2011) sependapat bahawa sukan kini telah bertukar daripada aktiviti senggang kepada aktiviti profesion termasuk sebagai industri, atlit dan pensyarah profesional. Sesiapa sahaja yang berada dalam profesion sukan termasuk atlet, pengurus pasukan, pensyarah sukan, pegawai sukan, penganjur temasya sukan mahupun pengeluar barangan sukan terdedah kepada risiko.

Pengurusan risiko sukan bertujuan mengelakkan dan meminimum kemalangan dalam sukan (Ang, 2007; Wong & Chen, 2010, Rejda 2011). Menurut Keehan (2009), kebanyakan tuntutan berkaitan risiko sukan yang dibuat keatas pendidik atau pensyarah Amerika kebanyakannya berkaitan dengan sukan olahraga. Statistik menunjukkan 38 % adalah kerana risiko kecederaan di alami semasa sukan kompetitif, 62 % adalah risiko kecederaan yang berkaitan dengan amalan pensyarah dan semasa latihan. Menurut Wong & Chen, (2010) faktor penyebab kemalangan akibat kecuaiian manusia semasa pengurusan dan pengelolaan program sukan, penggunaan dan penyelenggaraan kemudahan dan peralatan sukan yang tidak selamat. Faktor lain ialah seperti kurang pengetahuan (Harun 2012, Kassim

2012, Thomas 2012) dalam kalangan peserta tentang risiko sesuatu aktiviti sebelum mengambil bahagian, pihak penganjur kurang bersedia dengan tindakan kecemasan dan peraturan yang tidak lengkap (Sulaiman 2010, Slade 2010, Thomas 2010, dan Thomas 2012). Semua ini merupakan kecuaiian dalam sukan antara penyebab berlakunya kemalangan.

Dalam institusi pendidikan di Malaysia tiada model amalan pengurusan risiko sukan yang standard yang boleh diguna pakai oleh guru, pensyarah dan pentadbir sukan bagi mewujudkan sifar risiko dalam sukan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam sukan. Kementerian Pendidikan Malaysia sepatutnya sudah ada dan bersedia dengan pelan amalan pengurusan risiko bagi memastikan keselamatan semua perkakas dan peralatan serta keperluan aktiviti sukan (Utusan Malaysia, 2011). Di Institusi pendidikan di Malaysia hanya berpandukan pada pekeliling – pekeliling ikhtisas yang di keluarkan mengikut keperluan semasa ( Abdul Rahim 2006, Sang 2008, KPM 2012) . Oleh sebab itu pensyarah sukan hanya membina model pengurusan risiko mengikut kreativiti mereka berdasarkan pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan pekeliling ikhtisas yang menekankan peraturan keselamatan di padang, gelanggang dan kolam renang (Abdul Razak, Ismail & Panting 2009, Sang 2011, SPI, 1988 dan SPI 2000) . Selain itu beberapa aspek keselamatan seperti keselamatan am, keselamatan diri dan rakan-rakan serta keselamatan alatan dan kawasan (Nord & Moore 2008, Sulaiman 2010, Harun 2012) adalah isu-isu yang penting dan perlu diberi perhatian untuk memastikan persekitaran kerja dan suasana aktiviti sukan yang teratur dan selamat untuk mengelak kejadian kemalangan yang mengakibatkan kecederaan (Teng 2005, Che Lan 2008, Daroji & Chia, 2012) . Oleh kerana tiada model amalan pengurusan risiko yang standard, penyelidik akan menjalankan penyelidikan dan berusaha untuk menghasilkan kerangka model amalan pengurusan risiko.

Kajian ini bertujuan untuk :

1. Membentuk komponen utama amalan pengurusan risiko sukan pensyarah IPG.
2. Mengenalpasti komponen utama amalan pengurusan risiko sukan ini sesuai dengan situasi di Malaysia.

## **2.0 Penyataan Masalah**

Dalam pengurusan risiko, risiko kecuaiian dan kebimbangan risiko sering dijadikan isu utama oleh ibu bapa dan penjaga untuk mengemukakan saman terhadap guru dan pihak sekolah. Dalam kes saman menyaman, biasanya guru akan dijadikan sebagai defendan utama dalam kes yang dibawa oleh ibu bapa plaintif, pengetua sebagai defendan kedua dan kerajaan Malaysia sebagai defendan ketiga (Tie, 2004). Keadaan ini memerlukan semua pihak yang berada di dalam sesebuah sekolah terutamanya pengurus sekolah dan pensyarah mengamalkan pengurusan risiko (Zimmerman, 2007) dan peka dengan peraturan-peraturan, akta dan pekeliling-pekeliling dari pihak Kementerian Pelajaran untuk tujuan perlindungan.

Menurut kepada Comer (1998), perancangan model amalan pengurusan risiko antara kaedah untuk mencegah dan melindungi masalah boleh digunakan untuk menjadikan sebagai satu garis panduan pada masa kini dan akan datang. Perancangan model tersebut menjurus kepada aspek-aspek pencegahan, perlindungan dan keselamatan sekolah untuk bebas daripada elemen-elemen negatif (Abdul Razak, Ismail & Panting 2009, Che Lah 2009) seperti kecederaan semasa program sukan.

Melalui kajian awal di laksanakan terhadap guru besar dan pensyarah sukan menunjukkan wujud permasalahan dari aspek amalan pengurusan risiko sukan yang dapat dikenal pasti dari maklum balas dan reaksi yang telah diberikan oleh guru besar dan pensyarah sukan. Antara maklum balas

diperoleh daripada pensyarah, setiausaha sukan dan guru besar sependapat menyatakan “*Setakat dan sehingga hari ini belum ada model pengurusan risiko yang khusus di keluarkan oleh kementerian atau sekolah. tenaga pengajar dan pensyarah sukan menggunakan pengalaman sedia ada serta berdasarkan pembacaan dalam melaksanakan pengurusan risiko*”. Selain dari itu, guru besar dan pensyarah turut memberi pandangan perlu ada satu model pengurusan yang khusus. Berdasarkan pandangan mereka “*Pentadbir kurang mengambil berat model amalan pengurusan risiko. Pentadbir mempunyai staff berkecukupan tetapi tidak meletakkan personel yang layak. Prasarana dan personel tak selari oleh sebab itu penyelenggaraan tiada didokumenkan dan dilakukan secara berkala sebab personel bertanggungjawab tiada pengetahuan dan tiada model amalan pengurusan risiko yang khusus atau standard.*” Oleh itu , satu penyelidikan dijalankan untuk mengenal pasti kerangka model amalan pengurusan risiko sukan yang diperlukan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia .

#### 4.0 Metodologi

Bagi mengenal pasti komponen APRS , pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen analisis dokumen dan protokol temu bual pakar. Analisis dokumen dilakukan oleh pengkaji untuk mengenalpasti komponen utama bagi menilai pengurusan risiko pensyarah dalam konteks pensyarah kompeten amalan pengurusan risiko. Menurut Hassan (2012) kaedah semakan dokumen merupakan alat paling sesuai untuk mengumpul maklumat dalam kajian kualitatif. Menurut Sang (2009) , bahan dan sumber yang boleh dijadikan sebagai dokumen bagi melaksanakan analisis dan interpretasi di antaranya seperti jurnal, buku, kajian literatur dan kertas kerja ilmiah. Data analisis dokumen dianalisis menggunakan kaedah meta analisis bagi mengenal pasti faktor APRS, manakala data temu bual pakar di analisis secara manual menggunakan jadual matriks kekerapan. Analisis kebolehpercayaan Cohen Kappa diguna bagi menentukan indeks persetujuan keseluruhan item bagi setiap konstruk amalan pengurusan risiko sukan. Skala persetujuan Kappa seperti berikut,

**Jadual 4.1 Skala Persetujuan Kappa.**

Nilai Kappa	Interpretasi
Kurang dari 0.00	Lemah
0.0 – 0.02	Tidak Memuaskan
0.21 – 0.40	Kurang Memuaskan
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 ke atas	Sangat baik

Nilai pekali persetujuan dihitung menggunakan formula yang diperkenalkan oleh Cohen Kappa (1960) , formulanya  $K = (f_a - f_c) \div (N - f_c)$  dimana K ialah nilai pekali,  $f_a$  adalah unit persetujuan dan  $f_c$  adalah unit kemungkinan yang ditetapkan pada paras lima puluh peratus, dan nilai N ialah bilangan unit transkripsi atau konstruk yang diuji nilai persetujuannya.

#### 4.0 Dapatan Kajian dan perbincangan.

Melalui analisis dokumen, pengkaji memperolehi dapatan data seperti yang telah dirumuskan di jadual 4.1 yang dirujuk daripada hasil kajian pengkaji terdahulu tentang komponen utama amalan pengurusan risiko. Antara kajian yang berkaitan dengan amalan pengurusan risiko sukan yang dirujuk adalah seperti Kaiser (1986), Rejda (2002), Fuller (1999), Berlonghi (1990), Celement 1988, Van der Mission 1990 dan Head & Horn (1991) yang berkaitan dengan amalan pengurusan risiko sukan.

Model amalan pengurusan risiko Kaiser (1986) merangkumi pengenalan, penilaian, pemilihan dan pelaksanaan. Pelan amalan pengurusan risiko yang digariskan oleh Rejda (2002,2011) iaitu (i) mengenal pasti pendedahan kerugian, (ii) mengukur dan menganalisis pendedahan kerugian, (iii) memilih kombinasi yang sesuai untuk merawat pendedahan kerugian, dan (iv) Melaksana dan memantau program pengurusan risiko. Menurut Fuller (1999) amalan pengurusan risiko ialah pengenalan bahaya, penilaian kemungkinan bahawa ini boleh menyebabkan kemudaratan yang sebenar, pengenalan dan pelaksanaan langkah-langkah untuk mengurangkan tahap risiko, semakan prestasi dan komunikasi maklumat risiko kepada semua pihak yang berkepentingan. Berlonghi (1990) menjelaskan amalan pengurusan risiko yang berkesan perlu mengenal pasti sebagai liabiliti dan banyak faktor-faktor risiko yang mungkin, mengelakkan penyelesaian alternatif, dan membuat syor-syor yang berkesan kos. Terdapat lima langkah-langkah yang berkait rapat pelan pengurusan risiko Berlonghi iaitu analisis risiko, mengkaji teknik pengurusan risiko, perancangan tindakan dan teknik yang berkesan dan sesuai, melaksanakan cadangan pengurusan risiko, dan menilai dan memperbaiki program pengurusan risiko. Menurut Clement (1998), satu program pengurusan risiko memerlukan satu pengawasan dan penyeliaan sistemantik alam sekitar, dengan mengenal pasti potensi untuk kerugian dan liabiliti undang-undang. Ini sistem yang menyeluruh pengenalan, penilaian dan kawalan mempunyai tujuan membuat sukan dan persekitaran senaman sebagai selamat yang mungkin untuk peserta dan penonton, dan perniagaan yang cekap menggunakan amalan perniagaan yang diterima. Model amalan pengurusan risiko sukan Van Der Smissen (1990) merangkumi empat fasa iaitu menganalisis risiko dan menentukan pendekatan untuk mengawal, mendapatkan penyata dasar yang berkaitan dengan dasar-dasar yang disyorkan dari entiti yang membuat dasar, menyatakan amalan operasi wajar dikenalpasti dan format ke dalam pelan, dan melaksanakan plan. Model Head dan Horn (1991) pengurusan risiko melibatkan empat langkah: mengenal pasti potensi kerugian, menilai potensi kerugian, memilih teknik yang sesuai untuk merawat pendedahan kerugian, dan melaksanakan dan mentadbir program. Ringkasan perbandingan konstruk amalan pengurusan risiko sukan berdasarkan analisis dokumen ditunjukkan dalam Jadual 4.1

**Jadual 4.1 Perbandingan konstruk amalan Pengurusan Risiko Sukan berdasarkan Analisis Dokumen.**

Peringkat Model	Pengenal pastian	Penilaian	Pemilihan Operasi	Pelaksana an	Kawalan	Anggaran	Analisis Risiko
Kaiser 1986	X	X	X	X			
Rejda 2002	X		X	X			X
Fuller 1999	X	X			X	X	
Berlonghi 1990	X	X		X			X
Celement 1988	X	X		X	X		
Van der Mission 1990	X	X				X	X
Head & Horn 1991	X	X	X	X			

Berdasarkan kupasan dan petikan literatur di tunjukkan dalam Jadual 4.1, pengkaji telah menyenaraikan komponen utama yang kerap dan banyak dinyatakan oleh pengkaji terdahulu sebagai faktor yang mempengaruhi pendarah kompetensi pengurusan risiko sukan, di antaranya ialah Pengenalpastian; (ii) Penilaian; (iii) Pemilihan Operasi dan (iv) Pelaksanaan.

#### Jadual 4.2 Perbandingan konstruk Amalan Pengurusan Risiko Sukan berdasarkan Pakar.

Bil.	Konstruk Pengurusan Risiko	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3
1.	Pengenalpastian	X	X	X
2.	Penilaian	X	X	
3.	Pemilihan Operasi	X	X	X
4.	Pelaksanaan	X	X	X

Berdasarkan dapatan analisis dokumen dan protokol temubual, boleh dinyatakan bahawa konstruk bagi amalan pengurusan risiko sukan adalah (i) Pengenalpastian; (ii) Penilaian; (iii) Pemilihan Operasi dan (iv) Pelaksanaan. Oleh yang demikian, pembentukan 4 konstruk boleh diteruskan bagi membentuk dimensi konstruk dalam pembinaan item bagi amalan pengurusan risiko sukan.

#### 4.1 Dapatan Analisis Dokumen Pembentukan Dimensi Amalan Pengurusan Risiko Sukan.

##### Jadual 4.1.1 Dimensi amalan pengenalpastian.

	Dimensi Amalan Pengenalpastian	Van Der Mission 1990	Peterson & Hronek (2003),	Zimmerman (2007)
1.	Liabiliti dan Tort	x	x	x
2.	Peralatan dan kemudahan	x	x	
3.	Demografi Pendarah	x		x

Jadual 4.1.1 menunjukkan perbandingan kupasan pengkaji terdahulu terhadap amalan pengenalpastian yang perlu ada pada pendarah. Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pengenalpastian yang kerap dinyatakan ialah liabiliti dan tort, peralatan dan kemudahan, dan demografi pendarah.

##### Jadual 4.1.2 Dimensi amalan penilaian.

	Dimensi Amalan Penilaian	Van Der Mission 1990	Peterson & Hronek (2003),	Zimmerman (2007)
1.	Dasar (Pekeliling Ikhtisas & ISO)	x	x	x
2.	Amaran risiko yang wujud.	x	x	x

Jadual 4.1.2 menunjukkan perbandingan kupasan pengkaji terdahulu terhadap amalan penilaian yang perlu ada pada pendarah. Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan penilaian yang kerap dinyatakan ialah Dasar dan Amaran risiko yang wujud.

**Jadual 4.1.3 Dimensi amalan pemilihan operasi.**

	Dimensi Amalan Pemilihan Operasi	Van Der Mission 1990	Peterson & Hronek (2003),	Special Olympic Coaching Guide (2003)
1.	Komunikasi	x	x	x
2.	Teknologi	x	x	
3.	Pengurusan kecemasan dan Pengangkutan		x	x

Jadual 4.1.3 menunjukkan perbandingan kupasan pengkaji terdahulu terhadap amalan pemilihan operasi yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pemilihan operasi yang kerap dinyatakan ialah komunikasi, teknologi dan pengurusan kecemasan dan pengangkutan.

**Jadual 4.1.4 Dimensi amalan pelaksanaan pengurusan risiko sukan.**

	Dimensi Amalan pelaksanaan	Peterson & Hronek (2003),	Special Olympic Coaching Guide (2003)	Aaron (2005)
1.	Penyeliaan	x	x	x
2.	Latihan	x		x
3.	Aktiviti / Program sukan	x	x	

Jadual 4.1.4 menunjukkan perbandingan kupasan pengkaji terdahulu terhadap amalan pelaksanaan yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pelaksanaan yang kerap dinyatakan ialah penyeliaan, latihan dan aktiviti / program sukan.

## 4.2 Dapatan Protokol Temu bual Pakar Pembentukan Dimensi Amalan Pengurusan Risiko Sukan.

**Jadual 4.2.1 Dimensi amalan pengenalpastian pengurusan risiko sukan.**

	Dimensi Amalan Pengenalpastian	Pakar 1	Pakar 2
1.	Liabiliti dan Tort	x	x
2.	Peralatan dan kemudahan	x	x
3.	Demografi Pensyarah	x	x

Jadual 4.2.1 menunjukkan perbandingan dapatan data protokol temubual terhadap amalan pengenalpastian yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pengenalpastian yang kerap dinyatakan ialah liabiliti dan tort, peralatan dan kemudahan, dan demografi pensyarah.

**Jadual 4.2.2 Dimensi amalan penilaian pengurusan risiko sukan.**

	Dimensi Amalan Penilaian	Pakar 1	Pakar 2
1.	Dasar (Pekeliling Ikhtisas & ISO)	x	x
2.	Amaran risiko yang wujud.	x	x

Jadual 4.2.2 menunjukkan perbandingan dapatan data protokol temubual terhadap amalan penilaian yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan penilaian yang kerap dinyatakan ialah Dasar dan Amaran risiko yang wujud.

**Jadual 4.2.3 Dimensi amalan pemilihan operasi pengurusan risiko sukan.**

	Dimensi Amalan Pemilihan Operasi	Pakar 1	Pakar 2
1.	Komunikasi	x	x
2.	Teknologi	x	x
3.	Pengurusan kecemasan dan Pengangkutan	x	x

Jadual 4.2.3 menunjukkan perbandingan dapatan data protokol temubual terhadap amalan pemilihan operasi yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pemilihan operasi yang kerap dinyatakan ialah komunikasi, teknologi dan pengurusan kecemasan dan pengangkutan.

**Jadual 4.2.4 Dimensi amalan pelaksanaan pengurusan risiko sukan.**

	Dimensi Amalan pelaksanaan	Pakar 1	Pakar 2
1.	Penyeliaan	x	x
2.	Latihan	x	
3.	Aktiviti / Program sukan	x	

Jadual 4.2.4 menunjukkan perbandingan dapatan data protokol temubual terhadap amalan pelaksanaan yang perlu ada pada pensyarah . Berdasarkan jadual tersebut menjelaskan dimensi amalan pelaksanaan yang kerap dinyatakan ialah penyeliaan. Manakala latihan dan aktiviti / program sukan tidak mendapat persetujuan pakar 2 dan beliau memaklumkan penyeliaan merangkumi aspek latihan dan aktiviti atau program sukan.

Berdasarkan analisis-analisis yang telah dilakukan seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji telah mengenal pasti dapatan yang menjurus kepada pembentukan 11 dimensi konstruk yang terkandung dalam 4 konstruk yang dibina. Pembentukan item instrumen dilakukan berdasarkan kepada konstruk dan dimensi yang telah dihasilkan.

Konstruk dan dimensi ini telah disemak oleh dua orang pakar dan memberi persetujuan tentang konstruk dan dimensi. Menurut Cohen bagi penyelidikan kualitatif memadai 2 orang penyemak yang pakar dalam kaedah penyelidikan kualitatif dan pengurusan risiko . Dalam kajian ini nilai persetujuan diperolehi adalah  $K = (20-11) \div (22-11) = 0.82$

Dapatan nilai pekali Kappa secara keseluruhannya adalah 0.82, iaitu menunjukkan tahap persetujuan yang sangat baik .

## 6.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatan dari analisis dokumen dan protokol temu bual membuktikan komponen utama amalan pengurusan risiko sukan pensyarah adalah pengenalpastian, penilaian, pemilihan operasi dan pelaksanaan. Konstruk yang dihasilkan juga mempunyai kebolehpercayaan indeks persetujuan pakar yang tinggi.

## RUJUKAN

- Abdul Rahim, A. A. (Ed.). (2006). *Kursus Perguruan Lepas Ijazah Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor: Fajar Bakti.
- Abdul Razak, M. N., Ismail, C.I. dan Panting, A.J. (Ed.). (2009). *HBPE3203 Kebersihan dan Keselamatan Persekitaran*. Open University Malaysia : Selangor.
- Aman, M. S., Ed. (2006). *Asas Pengurusan Sukan*. Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya .
- Ang, K.K (2007). *Kompetensi Setiausaha Sukan Dan Amalan Pengurusan Risiko Dan Keselamatan Program Sukan Sekolah Menengah Di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia, Thesis PhD.
- Berlonghi, A. (1990). *The special event risk management manual*. Dana Point: CA:Author.
- Che Lan, N. (2009), *HBPE2103 Program Bersepadu Sekolah Sihat*. Selangor : Open University Malaysia
- Clement, A. (1998). *Law in sport and physical activity*. 2nd.ed. Tallahassee, FL: Sport and Law Press.
- Comer, R. J. (1998). *Abnormal Psychology*. New York: W. H. Freeman and Company.
- Daraji, I & Chia, C.M.(2012) *Pendidikan Luar*. Selangor : Multimedia
- Fuller ,C.W (1999). *Safety in Sport : Guidance for UK National Governing Bodies*. UK sport
- Hassan , A.(2009). *Instrumen Penilaian Pembimbing dalam pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja (PBK) Pelajar di Industri*. Universiti Teknologi Malaysia. Thesis PhD.
- Harun, M.T. et.al (2012). *HBPE1203 Kecergasan Fizikal*. Selangor: Open University Malaysia.
- Head, G. L., & Horn II, S. (1991). *Essentials of risk management*. Malvern, PA: Insurance Institute of America.
- Kaiser, R. A. (1986). *Liability and law in recreation, parks, and sports*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kassim, M.(2012). *The Acquisition of Knowledge by the Coaches : Can Qualitative Approach Help? JSSPS Jurnal Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani. Jilid 1 Mei 2013*.
- Keehan, Alyssa S. (2009) . *Managing Risk in College Athletics. The Chronicle of Higher Education* (Nov 22, 2009).
- KPM, (2012) . *Konsep dan Manual Sekolah Selamat : Panduan Pelaksanaan menjadikan Sekolah, Komuniti dan Keluarga Selamat untuk Kanak-Kanak*. Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laroche, D.B and Corbett, R. (2010). *Risk Management Guide for community sport organizations*. Canada, 2010 Legacies Now.
- Mohd. Mahdzir, A (2009). *Penerokaan Ciri-ciri Psikometrik Instrumen Pentaksiran Pemikiran Kritis Malaysia (IPPKM) dan Model Pemikiran Kritis Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis PhD.
- Nord, N., & Moore, T.H. (2008). CPSC Releases the “Top Five Hidden Home Hazards” Popular Magnetic Toys on the List of Deadly Dangers. *Consumer Product Safety. Review WINTER 2008. Vol. 12, No. 1*
- Rejda G.E. (2011). *Principles of Risk Management and Insurance*. 11th.ed . New Jersey : Pearson. ms 43-56.



- Sang, M.S. (2008) *Siri Pendidikan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan Pengajaran & Pengajaran untuk Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Gred DGA34, DG44&DG48 (KUP)*. Selangor :Multimedia.
- Sang, M.S. (2011) *Pengurusan Kokurikulum* , Multimedia Selangor.
- Slade, D. (2010). *Transforming Play:Teaching Tactics and Game Sense*.United State:Human Kinetics
- Sekendiz, B. (2011). *An Investigation of risk management practice in the Health and fitness Facilities in Queensland : minimizing the likelihood of legal Liability*. Bond University : Tesis Ph.D.
- Sulaiman, S.B. (2010) . *HBPE 4303 Pengurusan Sukan dalam Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur ; Open Universiti Malaysia.
- Teng Boon Tong (2005). *Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan. Kursus Diploma Perguruan Malaysia*. Selangor : Longman.
- Tie Fatt Hee (2004) *Liabiliti dalam Pengurusan Pendidikan*.Kuala Lumpur : Utusan Publication.
- Thomas, G. (2010). Facilitator, Teacher, or Leader? Managing Conflicting Roles in Outdoor Education *The Journal of Experiential Education* 32. 3
- Thomas M. G. (2012) *The Study of the Southeast Athletic Trainers' Association (SEATA) District IX Athletic Trainers' Perceptions of the Need for Mandated Continuing Education Units in Risk Management Policies and Procedures*. United State Sports Academy. Thesis PhD.
- Utusan Malaysia (2011) . Pelajar Maut di Hempap Tiang Gol. 20 September 2011.
- Van der Smissen, B (1996). Tort Liability and Risk Management, dalam Parkhouse, B.L. (1996). *The Management of Sport*. 2nd.ed. United State: Mosby. Ms 164-183
- Wong, H.C. & Chen, C.C. (2010). Improvement of the Safe Environment of American University Indoors Sports Facilities of Research. *The Journal of Human Resourse and Adult Learning*. Vol.6. Num. 1, June 2010
- Zimmerman, E.P.(2007). *Risk Managenment Practice of Collegiate Athletic Trainers : An Examination of Policies and Procedures*. Thesis PhD. University Huntington, West Virginia.

Maklumat Pembentang :

Nama : Fatimah Mustaffa (IPGM) dan Ahmad bin Esa ( UTHM)

Email : fbmpjk@gmail.com

Alamat : Jabatan Pendidikan Jasmani , IPG Kampus Perempuan Melayu, Jalan Maktab 75900  
Durian Daun, Melaka.

Telefon : 06-2822519 (O)      019-7175714 (hp)